Seri Cemerlang Mills Management Sdn Bhd lwn Dato' Zainal bin Hj Ismail dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN) — GUAMAN SIVIL NO 22–105 TAHUN 2002
VT SINGHAM H
17 DECEMBER 2009

Prosedur Sivil — Bil kos — Prosiding taksiran kos — Rayuan terhadap pembatalan writ sepina — Sama ada writ sepina relevan untuk taksiran bil kos — Sama ada pihak yang memohon taksiran bil kos berhak 'as of right' memanggil saksi melalui writ sepina — Sama ada A 59 k 13 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 digunapakai

Perayu merayu kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan timbalan pendaftar yang membatalkan writ sepina yang dikeluarkan terhadap En Hanafi bin Kasbi ('Hanafi'). Writ sepina tersebut adalah untuk prosiding notis penetapan kos dan bil kos oleh perayu di bawah s 126(3) Akta Profesion Guaman 1976 ('Akta') terhadap responden kesembilan. Perayu tidak berpuas hati terhadap keputusan tersebut dan memfailkan notis rayuan ini. Dalam rayuan ini terdapat dua isu undang-undang seperti berikut: (a) sama ada pihak yang memohon taksiran bil kos berhak 'as of right' memanggil saksi melalui writ sepina untuk memberi keterangan dan mengemukakan dokumen-dokumen dalam prosiding taksiran kos; dan (b) sama ada A 59 k 13 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') digunapakai untuk mengeluarkan writ sepina kepada saksi tersebut dalam prosiding taksiran bil kos.

Diputuskan, menolak rayuan dengan kos:

(1) Sama ada perlu sebarang keterangan lanjutan untuk dikemukakan bagi memutuskan amaun kos yang dituntut oleh perayu adalah budi bicara pendaftar untuk memutuskan dalam peringkat prosiding bil kos. Mahkamah ini berpendapat bahawa bukan tugas pihak-pihak atau perayu dalam prosiding taksiran kos untuk bertindak atau menetapkan atau memanggil saksi atau saksi-saksi sehingga prosiding taksiran bil kos ditukar seolah-olah sebagai satu perbicaraan penuh (lihat perenggan 10).

(2) Pendaftar tidak boleh diarahkan oleh mana-mana pihak, dengan apa cara sekali pun, untuk mengeluarkan sepina kepada seseorang, sama ada untuk diperiksa atau membenarkan pemeriksaan balas melalui sepina dalam prosiding taksiran bil kos, kerana prosiding taksiran bil kos bukanlah perbicaraan penuh atau satu permohonan interlokutori.

Seterusnya, pendaftar tidak semestinya menerima keterangan lisan melainkan pendaftar sendiri berpendapat bahawa keterangan diperlukan untuk apa-apa penjelasan. Hanya pendaftar boleh memutuskan sama ada perlu untuk memeriksa mana-mana pihak sekiranya keterangan adalah relevan. Mahkamah ini berpendapat bahawa keterangan daripada Hanafi seperti yang dicatit di writ sepina tersebut adalah tidak relevan untuk taksiran bil kos (lihat perenggan 19 & 22).

(3) Seterusnya, sepina tersebut melibatkan pihak yang tidak ada kaitan dalam bil kos di antara perayu dan bekas anak guam. Sebarang dokumen di antara peguam dan anak guam adalah dikawal di bawah s 127 Akta kecuali dipersetujui oleh anak guam sendiri, iaitu di mana bekas anak guam bersetuju untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang disebut dalam writ sepina tersebut di prosiding taksiran bil kos. Di dalam kes ini, tidak ada apa-apa persetujuan oleh bekas anak guam perayu supaya sebarang komunikasi atau surat-menyurat di antara anak guam dan peguamcara-peguamcara lain, sekiranya ada, boleh didedahkan (lihat perenggan 20).

(4) Perayu tidak memberi peluang kepada pendaftar untuk menjalankan prosiding taksiran dengan bebas dan menggunakan budi bicara untuk menaksirkan dan membenarkan amaun yang patut dan munasabah berdasarkan kepada butir-butir yang dicatit dalam bil kos. Sebaliknya perayu cuba mengarahkan pendaftar memanggil Hanafi (lihat perenggan 21).

(5) Writ sepina ini hanya akan membuka satu 'floodgates' yang merbahaya dan memberi kebebasan kepada mana-mana pihak dalam prosiding taksiran bil kos untuk memohon dikeluarkan writ sepina supaya orang yang dinamakan hadir di mahkamah untuk mengemukakan dokumen-dokumen tertentu dan dibenarkan untuk diperiksa atau diperiksa balas dan kemungkinan diperiksa semula. Ini akan menyebabkan prosiding taksiran kos di hadapan pendaftar dijadikan satu pendengaran permohonan interlokutori atau perbicaraan penuh, bertentangan dengan tujuan prosiding bil taksiran kos seperti yang ditetapkan di dalam KMT (lihat perenggan 33).

[English summary

The appellant appealed to the judge in chambers against the deputy registrar in dismissing the writ of subpoena issued against En Hanafi bin Kasbi ('Hanafi'). The writ of subpoena was for proceedings notice of taxation of costs and bill of costs by the appellant under s 126(3) of the Legal Profession Act 1976 ('the Act') against the ninth respondent. The appellant was not satisfied with the decision and filed this notice of appeal. In this appeal there were two legal issues as follows: (a) whether the party requesting the taxation of bill of costs could 'as of right' summon the witness by writ of subpoena to testify and produce the

documents in the assessment proceedings for taxation of costs; and (b) whether O 59 r 13 of the Rules of the High Court 1980 ('RHC') was applicable to issue the writ of subpoena to the said witness in the proceedings for taxation of bill of costs.

Held, dismissing the appeal with costs:

(1) As to whether it was necessary for the production of further evidence in order to determine the amount of costs claimed by the appellant was the discretion of the registrar to decide at the stage of the bill of costs proceedings. This court was of the view that it was not the duty of the parties or the appellant in the proceedings for taxation of costs to take action or determine or call upon the witness or witnesses until the proceedings for taxation of the bill of costs was changed as if it was a full trial (see para 10).

(2) The registrar could not be ordered by any party, in any manner whatsoever, to issue a subpoena to anyone, whether for examination or to allow a cross-examination by subpoena in a proceedings for taxation of bill of costs, because a proceedings for taxation of bill of costs is not a full trial or an interlocutory application. Further, the registrar should not accept oral evidence unless the registrar himself was of the view that the evidence was required for any explanation. Only the registrar could decide whether it was necessary to examine any of the parties in the event the evidence was relevant. This court was of the view that the evidence from Hanafi as stated in the writ of subpoena was not relevant for the taxation of the bill of costs (see paras 19 & 22).

(3) Further, the said subpoena involved parties who had no relevance in the bill of costs between the appellant and the former client. Any documentation between counsel and the client was governed under s 127 of the Act unless otherwise agreed by the client himself, in which the former client had agreed to produce documents stated in the said writ of subpoena in the proceedings for taxation of bill of costs. In this case, there was no agreement by the former client that any communication or correspondence between the client and other counsel, if any, should be disclosed (see para 20).

(4) The appellant had not given an opportunity to the registrar to conduct taxation proceedings freely and to exercise his discretion in assessing and allowing a fair and reasonable amount based on the details stated in the bill of costs. On the other hand the appellant tried to instruct the registrar to call upon Hanafi (see para 21).

(5) This writ of subpoena only opened dangerous floodgates and gave the liberty to any party in a proceedings for taxation of bill of costs to apply for an issuance of the writ of subpoena so that the persons named appear

in court to produce certain documents and allowed to be examined or cross-examined and most likely to be re-examined. This would result in the proceedings for taxation of bill of costs before the registrar would become a hearing for an interlocutory application or a full trial, contrary to the purpose of the proceedings for taxation of bill of costs as stipulated in the RHC (see para 33).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai bil kos secara am, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 1688–1641.

Kes-kes yang dirujuk

Chan Kok Choon JP v MBf Finance Bhd [2001] 1 MLJ 5; [2000] 4 CLJ 453, MR (dirujuk)
Computer Machinery Co Ltd v Dreshcher & Ors [1983] 1 WLR 1379, Ch D (diikut)
Dea Ai Eng v Dr Wong Siak Shoon & Anor [2007] 2 MLJ 357; [2007] 7 CLJ 337, MT (dirujuk)
Duport Steels Ltd & Ors v Sirs & Ors [1980] 1 All ER 529, QBD (dirujuk)
Emilio Giannarelli & Ors v Daryl G Wraith & Ors [1991] 4 CLJ (Rep) 373, MT (diikut)
Foo Loke Ying & Anor v Television Broadcasts Ltd & Ors [1985] 2 MLJ 35, MA (dirujuk)
Gooi Hock Seng v Chuan Guat Khim [2001] 1 CLJ 583, MA (dirujuk)
Ismail v Hasnol; Abdul Ghafar v Hasnol [1968] 1 MLJ 108, MP (diikut)
Keene v Biscoe (1878) 8 Ch D 201 (dirujuk)
Kein v Stein (1892) 66 LT 469 (diikut)
Kumpulan Kamuning Sdn Bhd v Rajoo & 200 Ors [1983] 2 MLJ 400, MP (dirujuk)
Lakshmandas Chaganlal Bhatia & Ors v The State AIR 1968 Bombay 400 (dirujuk)
Lorenzo Hakoussi, The [1988] 1 Lloyd's Rep 140 (dirujuk)
Macbryan v Brooke [1946] 2 All ER 688, MR (dirujuk)
Macmillan Inc v Bishopsgate Investment Trust Ltd [1993] 4 All ER 998, Ch D (diikut)
Maju Holdings Sdn Bhd v Kamala Devi a/p Ramadass & Anor and another appeal [2003] 2 MLJ 36; [2003] 1 CLJ 434, MR (dirujuk)
Nirumalan Kanapathi (a solicitor), Re [2000] 1 SLR 726, MT (diikut)
Pang Kok v Leong Fock Hup & Anor [1996] 4 MLJ 97, MT (dirujuk)
Pilcher v Rawlins (1872) LR 7 Ch App 259, MR (dirujuk)
R v Baines (1881) 8 QBD 63 (dirujuk)
R v Baines [1909] 1 KB 258 (diikut)
R v Lewes Justices, ex parte the Gaming Board of Great Britain; R v Lewes Justices, ex parte the Secretary of State for the Home Department [1971] 2 All ER 1126, QBD (diikut)

A *Senior & Ors v Holdsworth* [1975] 2 All ER 1009, MR (diikut)
Senja Cerah Sdn Bhd v Sisprop Sdn Bhd (Tan Sri Cheng Heng Jem & Ors, applicants) [2008] 6 MLJ 581, MT (dirujuk)
Steel v Savory (1891) 8 TLR 94 (diikut)
B *Teo Ah Khing v Yii Chee Ming* [2006] 2 CLJ 188, MT (dirujuk)
Tetuan Kumar Jaspal Quah & Aishah (suing as a firm) v The Co-operative Central Bank Ltd [2007] 4 MLJ 638; [2007] 4 AMR 291, MR (dirujuk)
Thompson v Goold & Co [1910] AC 409 (dirujuk)
United Malayan Banking Corp Bhd v Indah Sejati Sdn Bhd [411] MD 2; [1992]
C 1 AMR 41, MT (dirujuk)
Vickers, Sons and Maxim Ltd v Evans [1910] AC 444, HL (dirujuk)
Wong Sin Chong & Anor v Bhagwan Singh & Anor [1993] 3 MLJ 679; [1993] 4 CLJ 345, MA (diikut)

D **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Profesion Guaman 1976 ss 126, 126(3), 127, 132
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 37, A 37 k 1(3), A 38, A 59, A 59 kk 1(1), 13, 20, 34, 36, 59, Borang 69
E High Court Rules O 71 r 70

Ariff Mahindar Abdullah (Sahadin bin Mohd Taib bersamanya (Sahadin & Co)) (Mahindar & Co) bagi pihak perayu.
Zainur Zakaria (Zainur Zakaria & Co) bagi pihak responden kesembilan.

F **VT Singham H:**

[1] Ini adalah satu notis rayuan kepada hakim dalam kamar bertarikh 15 Jun
G 2007 (lampiran 96) oleh perayu Tetuan Sahadin & Co terhadap keputusan timbalan pendaftar yang diberikan pada 13 Jun 2007 di atas saman dalam kamar bertarikh 7 Februari 2007 (lampiran 70). Permohonan melalui saman dalam kamar bertarikh 7 Februari 2007 (lampiran 70) adalah untuk membatalkan writ sepina bertarikh 9 November 2006 (lampiran 55) dalam
H bentuk Borang 69 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT 1980') yang dikeluarkan terhadap En Hanafi Kasbi atas permohonan perayu Tetuan Sahadin & Co, peguambela dan peguamcara di mana kos permohonan tersebut dibayar oleh perayu tersebut. Timbalan pendaftar yang bijaksana telah membenarkan saman dalam kamar (lampiran 70) dan mengenepikan writ
I sepina tersebut. Perayu tidak berpuas hati terhadap keputusan tersebut dan memfailkan notis rayuan ini.

[2] Writ sepina bertarikh 9 November 2006 (lampiran 55) tersebut yang dikeluarkan terhadap En Hanafi bin Kasbi menyatakan seperti berikut:

Kamu perintahkan kamu supaya hadir *di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi di Kuantan (Penekanan ditambah)* pada *13 haribulan November, 2006 Jam 9.00 PAGI* dan begitulah dari sehari ke sehari sehinggalah tamatnya prosiding di atas, untuk memberi keterangan dan mengemukakan dokumen-dokumen yang berikut:

(a) Rekod Minit Mesyuarat Perlantikan Tet. Sahadin & Co.

(b) Rekod Minit Perlantikan Tetuan Mahindar & Co.

(c) Minit-minit Mesyuarat di ladang sebaik posessi diperolehi semula

(d) Baucer-baucer bayaran kepada Tet. Vendargon bagi pihak Plaintiff dalam prosiding tersebut.

[3] Alasan-alasan yang dicatit di saman dalam kamar (lampiran 70) untuk membatalkan writ sepina tersebut adalah:

(a) Writ Sepina tersebut telah dimohon oleh Tetuan Sahadin & Co. Berkaitan dengan *prosiding penetapan (taxation) bil kos* mereka. (Penekanan ditambah.);

(b) Kehadiran Hanafi bin Kasbi untuk memberi keterangan lisan, serta dokumen-dokumen yang diminta dikemukakan dalam prosiding penetapan bil kos Tetuan Sahadin & Co tidak langsung perlu atau relevan kerana isu untuk menentukan oleh mahkamah semasa penetapan bil kos tertumpu semata-mata kepada sama ada kos yang dituntut adalah berpatutan berdasarkan prinsip-prinsip undang-undang yang terpakai dan tidak bergantung kepada keterangan lisan Hanafi bin Kasbi atau dokumen-dokumen yang beliau dikehendaki mengemukakan;

(c) Permohonan Tetuan Sahadin & Co untuk mengeluarkan writ sepina tersebut adalah satu permohonan yang mengaibkan, remeh dan penyalahan proses mahkamah.

[4] Seterusnya, di antara alasan-alasan yang dibangkitkan di afidavit sokongan (lampiran 70A) oleh En Hanafi bin Kasbi untuk membatalkan writ sepina secara ringkas adalah:

(a) Prosiding dalam mana sepina itu dipohon adalah penetapan (taxation) bil kos Tetuan Sahadin & Co;

(b) Isu-isu untuk ditentukan oleh mahkamah dalam prosiding penetapan bil kos tidak ada kaitan dan tidak relevan dengan keterangan dan dokumen sepertimana yang dinyatakan atau disebutkan oleh Tetuan Sahadin & Co dalam sepina tersebut;

(c) Isu-isu yang perlu ditentukan oleh mahkamah semasa dan apabila melakukan penetapan bil kos berkenaan adalah sama ada kos yang dituntut oleh Tetuan Sahadin & Co, berpatutan dan munasabah

berdasarkan prinsip-prinsip undang-undang yang terpakai dan tidak ada kena mengena dengan bayaran-bayaran yang dibuat kepada peguam-peguam yang lain.

[5] Bantahan oleh perayu melalui afidavit jawapan (lampiran 74) kepada saman dalam kamar (lampiran 70) untuk mengenepikan writ sepina secara ringkas adalah:

(a) Akta 59 k 13 KMT 1980 membenarkan saksi dipanggil dalam prosiding taksiran kos;

(b) Satu pihak tidak boleh meminta (disclose) keterangannya.

(c) Untuk mendapatkan terma perlantikan (retainer) perayu dan Ttn Mahindar & Co;

(d) Untuk membandingkan pembayaran bil amaun dan asasnya;

(e) Keterangan perbelanjaan;

(f) Pembayaran yang dibuat kepada Ttn Vendargon & Partners supaya perbandingan boleh dilaksanakan;

(g) Isu relevan akan diputuskan semasa keterangan dikemukakan.

[6] Hujah-hujah bertulis semasa saman dalam kamar didengar di hadapan timbalan pendaftar adalah:

(a) Hujah-hujah bertulis bagi responden pertama (lampiran 81);

(b) Hujah-hujah bertulis perayu (lampiran 86);

(c) Hujah balas oleh perayu (lampiran 88) dan;

(d) Hujah jawapan oleh responden (lampiran 90).

[7] Di sini adalah penting untuk menyatakan dan tidak dinafikan bahawa writ sepina tersebut (lampiran 55) yang difailkan oleh perayu terhadap En Hanafi bin Kasbi adalah untuk prosiding notis penetapan kos bertarikh 10 Ogos 2006 (lampiran 44) dan bil kos (lampiran 44A) oleh perayu di bawah s 126(3) Akta Profesion Guaman 1976 terhadap responden kesembilan (peguamcara dan anakguam). Satu pihak yang perlu sebarang kos di antara peguam dan anak guam untuk ditaksirkan dikehendaki untuk memulakan prosiding taksiran dengan memfailkan notis taksiran dan bil kos (rujuk A 59 k 20 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi dan s 126 dan s 132 Akta Profesion Guaman 1976).

[8] Dalam rayuan ini terdapat dua (2) isu undang-undang. Pertama, sama ada pihak yang memohon taksiran bil kos berhak (as of right) memanggil saksi

melalui writ sepina untuk memberi keterangan dan mengemukakan dokumen-dokumen dalam prosiding taksiran kos. *Kedua*, sama ada A 59 k 13 KMT 1980 digunapakai untuk mengeluarkan writ sepina kepada saksi tersebut dalam prosiding taksiran bil kos.

[9] Untuk saman dalam kamar (lampiran 70) terdapat afidavit sokongan En Hanafi bin Kasbi (lampiran 70A) dan afidavit balasan (lampiran 74) oleh perayu. Seterusnya, *untuk notis rayuan ini kepada hakim dalam kamar*, perayu juga telah memfailkan afidavit tambahan (lampiran 132) yang diikrarkan pada 6 November 2008 oleh En Sahadin bin Mohd Taib. Terdapat satu afidavit jawapan responden kesembilan (lampiran 136) kepada afidavit tambahan tersebut. Satu afidavit balasan perayu (lampiran 138) telah difailkan kepada afidavit jawapan responden kesembilan tersebut.

[10] Pada peringkat awal rayuan ini (at the outset), mahkamah ini ingin menyatakan bahawa sama ada perlu sebarang keterangan lanjutan untuk dikemukakan bagi memutuskan amaun kos yang dituntut oleh perayu adalah budi bicara pendaftar untuk memutuskan dalam peringkat prosiding bil kos. Mahkamah ini berpendapat bahawa bukan tugas pihak-pihak atau perayu dalam prosiding taksiran kos untuk bertindak atau menetapkan atau memanggil saksi atau saksi-saksi sehingga prosiding taksiran bil kos ditukar seolah-olah sebagai satu perbicaraan penuh.

[11] Bagi surat yang tidak bertarikh (eksh A) di afidavit tambahan (lampiran 132) yang diharapkan oleh perayu, mahkamah ini berpendapat bahawa ia tidak membantu perayu untuk mengekalkan writ sepina tersebut kerana:

(a) Surat tersebut yang dikatakan 'bahawa En Hanafi bin Kasbi dengan suci hati dan bersetuju untuk memberi keterangan' adalah tidak bertarikh;

(b) Surat tersebut yang dikatakan dibuat oleh En Hanafi bin Kasbi adalah menyangsikan atau ganjil dan mustahil kerana En Hanafi bin Kasbi telah mengikrarkan afidavit sokongan (lampiran 70A) pada 7 Februari 2007 di hadapan seorang pesuruhjaya sumpah untuk menyokong saman dalam kamar (lampiran 70) dan beliau telah memohon di afidavit sokongan tersebut bahawa writ sepina tersebut diketepikan, di mana alamat di afidavit sokongan adalah No 2, Jalan I/M5, Astana View, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan. Manakala alamat di surat tersebut adalah No 1242, Jalan KKB/2, Bandar Baru Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim dan pada masa yang sama dikatakan beliau bersetuju untuk memberi keterangan di mahkamah sehingga beliau bersetuju melalui surat tersebut di mana beliau dikatakan berkata 'Willing to give evidence in court if subpoena relating to Kosma matters';

(c) Surat tersebut tidak menyatakan bahawa pembuat surat bersetuju untuk memberi keterangan di mahkamah, khususnya, di prosiding taksiran bil

kos, di antara peguamcara (perayu) dan anak guam (responden kesembilan) tetapi hanya berkata secara am 'relating to Kosma matters'. Keterangan ini adalah bercanggah kerana En Hanafi bin Kasbi telah pun memperolehi sepina sebelum surat tersebut;

(d) Persetujuan kononnya oleh En Hanafi bin Kasbi untuk memberi keterangan 'relating to Kosma matters' adalah luas dan secara am dan tidak ada kaitan dengan prosiding taksiran bil kos tersebut dan sama ada beliau boleh sahkan sebarang perjanjian amaun pembayaran yuran di antara peguam, iaitu, perayu dan anakguam, iaitu, responden kesembilan.

(e) Surat tersebut tidak menyatakan sama ada beliau mempunyai atau memiliki dan boleh mengemukakan dokumen-dokumen yang disebut di writ sepina tersebut iaitu:

(i) Rekod Minit Mesyuarat Perlantikan Tet Sahadin & Co.

(ii) Rekod Minit Perlantikan Tetuan Mahindar & Co.

(iii) Minit-minit Mesyuarat di ladang sebaik posessi diperolehi semula.

(iv) Baucer-baucer bayaran kepada bayar kepada Tet. Vendargon bagi pihak Plaintif dalam prosiding tersebut.

(f) Surat tersebut tidak menunjukkan siapa yang terima surat tersebut dan kononnya pada 5 November 2008 seperti cop. Lebih menghairankan adalah perayu tidak menyatakan dalam afidavit tambahan (lampiran 132) siapa yang terima surat tersebut;

(g) Melalui perenggan 3 afidavit balasan (lampiran 138), perayu telah menimbulkan selanjutnya dengan lebih ganjil apabila mengemukakan salinan surat tersebut (eksh A) yang dirujuk di ms 2 afidavit tambahan (lampiran 132) di peringkat rayuan ini yang kononnya dihantar melalui faks (eksh SMTT) di mana terdapat tarikh di surat tersebut *yang ditaip* 5 November 2008 di atas sudut kiri surat tersebut, di mana tarikh itu tidak dicatit di atas salinan surat (eksh A) di afidavit tambahan (lampiran 132);

(h) Perayu masih tidak menyatakan di afidavit jawapan perayu (lampiran 138) siapa yang terima surat tersebut melalui faks dan bila tarikhnya diterima, di mana kononnya salinan faks diterima. Tarikh 5 November 2008 dengan cop *received* yang ditunjukkan di eksh A di afidavit (lampiran 132) tidak dapat dilihat atau terkandung di salinan faks yang *kononnya diterima* (eksh SMTT) di afidavit (lampiran 138). Surat faks tersebut tidak ada tarikh atau masa diterima yang dicetak oleh mesin faks itu sendiri di bahagian atas surat atau nombor faks.

[12] Seterusnya, mahkamah ini berpendapat adalah tidak berasas seperti dikatakan oleh perayu di perenggan 9, 10, 11 dan 12 di afidavit tambahan (lampiran 132) bahawa permohonan untuk membatalkan sepina bukanlah dibuat oleh En Hanafi bin Kasbi kerana keseluruhan prosiding di saman dalam kamar (lampiran 70):

(a) Afidavit sokongan (lampiran 70A) dengan jelas menyatakan deponen En Hanafi bin Kasbi yang pohon di mana En Hanafi bin Kasbi berkata: 'saya pohon bahawa writ sepina berkenaan diketepikan seperti dipohon dengan kos dibayar oleh Tetuan Sahadin & Co';

(b) Bil kos yang difailkan oleh perayu adalah di antara peguam dan anak guam, iaitu terhadap responden kesembilan dan En Hanafi bin Kasbi telah menyatakan di afidavit sokongan bahawa beliau adalah pengurus besar bagi responden kesembilan dalam guaman ini dan beliau diberi kuasa sepenuhnya oleh defendan kesembilan untuk mengikrarkan afidavit tersebut bagi pihak mereka dan seperti kenyataan yang dideposkan oleh En Hanafi bin Kasbi yang menyokong saman dalam kamar (lampiran 70);

(c) Tidak ada apa-apa keganjilan atau kesangsian untuk mendapatkan nasihat peguam terhadap writ sepina yang beliau terima untuk memastikan dan menentukan sama ada beliau patut atau perlu hadir dan memberi keterangan kerana beliau yang dipanggil bukan seorang pihak yang dinamakan dalam guaman sivil atau di bil kos atau pihak di mana perayu menuntut kos;

(d) Perayu sendiri telah secara tidak langsung (indirectly) telah akui bahawa En Hanafi bin Kasbi yang pohon supaya sepina dibatalkan dan mempunyai locus standi apabila menjawab melalui afidavit jawapan (lampiran 74) kepada afidavit sokongan En Hanafi bin Kasbi (lampiran 70A) tanpa sebarang syarat.

[13] Oleh itu, bantahan seperti yang dibangkitkan di lampiran 138 oleh perayu bahawa permohonan untuk mengenepikan sepina tersebut bukan dibuat oleh En Hanafi bin Kasbi adalah tidak berasas sama sekali dan adalah salah tafsir (misplaced) dan 'an after thought'. Sekiranya perayu berpendapat responden kesembilan tidak ada locus standi untuk mengenepikan sepina tersebut kenapa alasan itu tidak dibangkitkan dalam hujah bertulis oleh perayu untuk saman dalam kamar (lampiran 70) di hadapan pendaftar ataupun sebarang bantahan awal sebelum prosiding bil kos dimulakan tetapi memfailkan afidavit jawapan (lampiran 74) (rujuk juga hujah-hujah bertulis perayu (lampiran 86) dan hujah balas perayu (lampiran 88)).

[14] Mahkamah ini mendapati bahawa perayu merupakan satu pihak yang berada dalam desakan setelah saman dalam kamar (lampiran 70) dibenarkan

oleh pendaftar, di mana writ sepina telah diketepikan dan di peringkat rayuan ini cuba membangkitkan apa saja alasan di mana semua alasan yang dibangkitkan untuk rayuan ini adalah tidak berasas sama sekali dari segi fakta dan undang-undang. Walaupun mahkamah ini bersetuju bahawa sepatutnya dicatitkan dalam saman dalam kamar (lampiran 70) bahawa saman dalam kamar dibuat oleh En Hanafi bin Kasbi yang dinamakan dalam sepina, kegagalan untuk catit tidak mencacatkan saman dalam kamar (lampiran 70) kerana afidavit sokongan (lampiran 70A) yang diikrarkan oleh En Hanafi bin Kasbi sendiri telah memohon supaya sepina terhadap beliau diketepikan dan afidavit sokongan En Hanafi bin Kasbi telah pun dijawab oleh perayu melalui afidavit jawapan (lampiran 74).

[15] Walau bagaimanapun dan sekiranya permohonan saman dalam kamar (lampiran 70A) adalah tidak teratur di atas alasan tidak dicatit bahawa saman dalam kamar dipohon oleh En Hanafi bin Kasbi, perayu telah melepaskan hak beliau untuk membangkitkan bantahan tersebut terhadap saman dalam kamar (lampiran 70) atau sebagai bantahan awal di hadapan pendaftar.

Dalam kes *Kein v Stein* (1892) 66 LT 469, Cave H berkata:

> In order to establish a waiver, you must show that the party has taken some step which is only necessary or only useful if the objection has been actually waived or has never been entertained.

Dalam kes *Keene v Biscoe* (1878) 8 Ch D 201 Fry H berkata:

> Where a right has accrued it can be waived, but to amount to waiver there must be something done which is inconsistent with the continuance of that right.

Dalam kes *Pilcher v Rawlins* (1872) LR 7 Ch App 259 di ms 268 Sir G Mellish H berkata:

> A person who approbates and reprobates is acting inconsistently. He must, in fact be affirming and denying the same proposition at the same time.

[16] Oleh yang demikian, perayu tidak boleh cuba membangkitkan alasan tersebut sebagai satu alasan baru di peringkat rayuan ini kecuali perayu boleh memuaskan mahkamah ini mengapa alasan tersebut sekiranya ia berasas tidak dibangkitkan di hadapan pendaftar dan berdiam diri dan membenarkan saman dalam kamar (lampiran 70) diteruskan dan diputuskan di atas merit berdasarkan kepada alasan-alasan bantahan yang dikemukakan di hadapan timbalan pendaftar.

[17] Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan terlebih dahulu oleh mahkamah ini, saman dalam kamar (lampiran 70) adalah tidak cacat sehingga saman dalam kamar tersebut dibatalkan. Di atas keseluruhan kes, mahkamah

ini bersetuju di atas hujah-hujah oleh En Zainur Zakaria, peguambela bagi responden kesembilan bahawa rayuan ini patut ditolak dan writ sepina tersebut harus diketepikan seperti diputuskan oleh timbalan pendaftar yang bijaksana.

[18] Hujah-hujah peguam bagi responden kesembilan secara ringkas adalah:

(a) Keterangan dan dokumen yang dipohon melalui sepina tersebut oleh perayu bukanlah material dan tidak ada kaitan (not material and irrelevant) kepada prosiding penaksiran bil kos;

(b) Perayu juga tidak menunjukkan materialiti atau kaitan keterangan yang perayu ingin untuk mendapatkan dari saksi En Hanafi bin Kasbi atau dokumen yang dipohon untuk En Hanafi bin Kasbi kemukakan.
Dalam kes *Tetuan Kumar Jaspal Quah & Aishah (suing as a firm) v The Co-Operative Central Bank Ltd* [2007] 4 MLJ 638; [2007] 4 AMR 291, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa permohonan untuk mengkaji taksiran di bawah A 59 k 34 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi tidak perlu sebarang afidavit atau keterangan dikemukakan. Oleh itu, afidavit yang difailkan dalam prosiding mengkaji semula penaksiran adalah tidak relevan kepada prosiding tersebut sehingga mahkamah mendapati (deemed it fit) untuk mendapat keterangan lanjut.
Mahkamah ini berpendapat dan bersetuju bahawa prinsip dalam kes *Tetuan Kumar Jaspal Quah & Aishah (suing as a firm) v The Co-Operative Central Bank Ltd* walaupun adalah satu pengkajian semula penaksiran, prinsip itu dipakai dalam penaksiran bil kos di hadapan pendaftar seperti dalam rayuan di hadapan mahkamah ini;

(c) Mahkamah ini berpendapat bahawa mahkamah mempunyai kuasa yang sedia ada untuk mengenepikan sepina yang dikeluarkan untuk tujuan yang tidak baik dan bukan untuk mendapatkan sebarang keterangan relevan atau menyalahgunakan proses mahkamah (rujuk kes (1) *Wong Sin Chong & Anor v Bhagwan Singh & Anor* [1993] 3 MLJ 679 di ms 683; [1993] 4 CLJ 345 di ms 349; (2) *Maju Holdings Sdn Bhd v Kamala Devi a/p Ramadass & Anor and another appeal* [2003] 2 MLJ 36; [2003] 1 CLJ 434; (3) *Dea Ai Eng v Dr Wong Siak Shoon & Anor* [2007] 2 MLJ 357; [2007] 7 CLJ 337; (4) *Senja Cerah Sdn Bhd v Seeds Props Sdn Bhd (Tan Sri Ching Heng Jem & Ors, applicants* [2008] 6 MLJ 581);

(d) Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa kes-kes yang dirujuk di atas adalah, di mana sepina yang dikeluarkan kepada saksi adalah untuk perbicaraan penuh di mana keputusan mahkamah dalam kes-kes tersebut adalah di mana sepina telah diketepikan. Sepina-sepina dalam kes-kes tersebut juga dikeluarkan di bawah A 38 KMT 1980 yang terdapat peruntukan untuk keluarkan sepina. Manakala sepina yang dikeluarkan dalam rayuan di hadapan mahkamah ini adalah untuk saksi mengemukakan keterangan dan bawa dokumen-dokumen dalam prosiding taksiran kos dan A 59 k 13 KMT 1980 digunapakai dan di

mana dokumen-dokumen tersebut bukan kepunyaan saksi atau dimiliki oleh saksi. Prosedur taksiran bil kos adalah seperti yang diperuntukkan di bawah A 59 k 20 KMT 1980. Dalam prosiding penaksiran bil kos tidak ada peruntukan, sama ada dalam A 59, ataupun di bawah k 13 untuk sepina dikeluarkan kepada seseorang di atas permohonan pihak yang memohon untuk menaksirkan kos di antara peguamcara dan anakguam. Tugas pendaftar dalam prosiding penaksiran bil kos adalah untuk menentukan atau taksirkan apakah amaun kos yang patut dan munasabah bagi perayu dan berpandukan kepada garis panduan yang ditetapkan di *Appendix 1 Part x A 59* (rujuk kes *Pang Kok v Leong Fock Hup & Anor* [1996] 4 MLJ 97 di ms 99–100 dan telah diikuti dalam kes *United Malayan Banking Corp Bhd v Indah Sejati Sdn Bhd* [411] MD 2; [1992] 1 AMR 41; *Gooi Hock Seng v Chuan Guat Khim* [2001] 1 CLJ 583; *Chan Kok Choon JP v MBf Finance Bhd* [2001] 1 MLJ 5; [2000] 4 CLJ 453; *Teo Ah Khing v Yii Chee Ming* [2006] 2 CLJ 188).

[19] Mahkamah ini berpendapat bahawa perayu tidak boleh cuba menukar prosiding bil kos di kamar pendaftar kepada satu perbicaraan penuh. Seterusnya, pendaftar tidak semestinya terima keterangan lisan melainkan pendaftar sendiri berpendapat perlu keterangan untuk sebarang penjelasan. Pendaftar sahaja boleh memutuskan sama ada perlu untuk memeriksa mana-mana pihak sekiranya keterangan adalah relevan di mana mahkamah ini berpendapat bahawa keterangan daripada En Hanafi bin Kasbi seperti dicatit di writ sepina tersebut adalah tidak relevan untuk taksiran bil kos.

[20] Seterusnya, sepina tersebut melibatkan pihak yang tidak ada kaitan dalam bil kos di antara perayu dan bekas anak guam di mana sebarang dokumen di antara peguam dan anak guam adalah dikawal di bawah s 127 Akta Profesion Guaman 1976 kecuali dipersetujui oleh anak guam sendiri, iaitu di mana bekas anak guam bersetuju atau anak guam bagi peguam En Vendargon untuk kemukakan dokumen-dokumen yang disebut dalam writ sepina tersebut di prosiding taksiran bil kos. Dalam kes ini, tidak ada apa-apa persetujuan oleh bekas anak guam perayu atau anak guam En Vendargon supaya sebarang komunikasi atau surat-menyurat di antara anakguam dan peguamcara-peguamcara lain sekiranya ada boleh didedahkan. Tidak ada apa-apa keterangan (material) atas alasan yang dikemukakan oleh perayu di hadapan mahkamah untuk pendaftar menggunakan budi bicara, sama ada perlu untuk menjalankan sebarang pemeriksaan. Akta 59 k 13 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi hanya memperuntukkan kuasa untuk pendaftar memeriksa sesiapa dan ini adalah dibuat secara sukarela (own volition) sekiranya diperlukan oleh pendaftar dan bukan di atas desakan oleh mana-mana pihak.

[21] Perayu tidak memberi peluang kepada pendaftar untuk menjalankan prosiding taksiran dengan bebas (independently) dan menggunakan budi

bicara untuk menaksirkan dan membenarkan amaun yang patut dan munasabah untuk kerja-kerja yang dijalankan oleh perayu kepada bekas anak guam iaitu (solicitor and client) berdasarkan kepada butir-butir yang dicatit dalam bil kos. Sebaliknya, perayu nampaknya cuba mengarahkan pendaftar untuk memanggil En Hanafi bin Kasbi dengan menggunakan prosedur mengeluarkan sepina di bawah A 38 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ke atas En Hanafi bin Kasbi supaya perayu dapat memeriksa En Hanafi bin Kasbi di mana tugas dan kuasa sama ada seseorang itu perlu diperiksa mengikut A 59 k 13 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi terletak kepada pendaftar dan hanya pendaftar berhak dan itu pun sekiranya pendaftar berpendapat perlu untuk memeriksa sesiapa juga. Budi bicara tersebut dibuat di atas kerelaan pendaftar sekiranya pendaftar perlu butir-butir lanjut dan bukan oleh perayu.

[22] Dalam rayuan di hadapan mahkamah ini, pendaftar telah pun mengenepikan sepina tersebut dan ini adalah kemungkinan pendaftar tidak perlu memeriksa sesiapa pun termasuk En Hanafi bin Kasbi untuk menentukan amaun bil kos di antara peguamcara dan anakguam. Mahkamah ini berpendapat bahawa mana-mana pihak tidak boleh arahkan pendaftar dengan apa cara sekali pun untuk mengeluarkan sepina kepada seseorang sama ada untuk diperiksa atau membenarkan pemeriksaan balas melalui sepina dalam prosiding taksiran bil kos kerana prosiding taksiran bil kos bukanlah perbicaraan penuh atau merupakan satu permohonan interlokutori di mana terdapat pertukaran afidavit di antara pihak-pihak ataupun seperti dalam prosiding penaksiran gantirugi di bawah A 37 K 3(1) KMT 1980. Aturan 37 KMT 1980 memperuntukkan kaedah yang khusus, di mana membenarkan kehadiran saksi-saksi, manakala untuk prosiding taksiran bil kos tidak ada peruntukan seperti A 37 KMT 1980. Aturan 37 k 1(3) berkata:

> (3) The attendance of witnesses and the production of documents before the Registrar in proceeding under this Order may be, compelled by writ of subpoena. And the provisions of Order 35 shall with the necessary adaptations, apply in relation to those proceedings as they apply in relation to proceedings at a trial. (A 37 adalah prosiding penaksiran kos manakala A 35 adalah mengenai prosiding perbicaraan penuh.)

Dalam kes *Tetuan Kumar Jaspal Quah & Aishah (suing as a firm) v The Co-operative Central Bank Ltd* [2007] 4 MLJ 638; [2007] 4 AMR 291, afidavit sokongan telah pun berada dalam permohonan pengkajian semula oleh pendaftar terhadap taksiran bil kos. Pempetisyen telah memohon untuk memeriksa balas deponen afidavit tersebut. Mahkamah Rayuan melalui keputusan majoriti mengesahkan keputusan hakim Mahkamah Tinggi yang mengekalkan keputusan pendaftar yang bijaksana di mana pendaftar tidak membenarkan pemeriksaan balas. Perkataan 'may' di A 59 k 13 hanya membenarkan budi bicara kepada pendaftar dan diberi tafsiran 'as a permissive

or enabling rule' sahaja dan tidak boleh dibaca yang meluaskan budi bicara atau kuasa sehingga seorang saksi dipanggil di atas permohonan pihak yang pohon untuk taksiran kos.

[23] Oleh itu, hujahan bagi perayu dengan segala hormatnya, tidak dapat diterima bahawa A 59 k 13 KMT 1980 digunapakai untuk mengeluarkan sepina. (The appellant's contention, with respect, is based, in the considered view of this court on a misconception of r 13 as the effect of the rule is only a permissive or enabling provision and merely grants a judicial discretion to the registrar and only to the registrar and should not be read to enlarge the discretionary power or capable of being enlarged to that extent so as to read it as imperative but to confine the proceedings within the spirit and object of a taxation proceedings.)

[24] Walau bagaimanapun, mahkamah ini ingin menyatakan dan sedar bahawa pendaftar sememangnya mempunyai budi bicara, sama ada untuk memeriksa sebarang saksi dalam prosiding taksiran bil kos seperti diperuntukkan di bawah A 59 k 13 KMT 1980 tetapi tidak ada peruntukan di bawah prosiding taksiran bil kos di bawah A 59 dan A 38 tidak dipakai untuk taksiran prosiding taksiran bil kos.

Dalam kes *Re Nirumalan Kanapathi (a solicitor)* [2000] 1 SLR 726 satu prosiding penaksiran dijalankan oleh penolong pendaftar iaitu bil kos di antara peguam dan anak guam di mana peguam menuntut yuran guaman dan perbelanjaan (disbursements). Penolong pendaftar telah membenarkan amaun yang tertentu yang ditaksirkan. Seterusnya, di peringkat kajian semula di hadapan pendaftar, pempetisyen telah memohon kepada pendaftar untuk memeriksa saksi-saksi di atas dua isu, iaitu sama ada terdapat satu perjanjian perkongsian kos di antara peguam dan anak guam kerana anak guam telah menafikan menimbulkan sebarang perjanjian 'cost sharing'. Penolong pendaftar telah menolak permohonan pempetisyen untuk memeriksa balas saksi. Prosiding taksiran disampaikan untuk pengkajian oleh hakim. Judith Prakash H berkata di ms 733:

> At this stage it should be noted that at the review of the taxation below the petitioner had made an application for the registrar to examine the relevant witnesses, including Mr NK Pillai, on two issues. One of these was whether there was a cost sharing agreement between the petitioner and the other reinsurers and the respondent. This was because the respondent denied the existence of the cost sharing agreement. The assistant registrat dismissed the petitioner's application as she considered that the petitioner was seeking to circumvent the clear terms of the order on the petition of course by applying to examine the respondent on the agreement. Before me the petitioner submitted that the assistant registrar had erred in dismissing the application for cross-examination.

In my judgment, the learned assistant registrar was correct in dismissing the petitioner's application to examine Mr Pillai for the purpose of determinig whether or not a cost sharing agreement existed. Although under O 59 r 13 the registrar has the power in discharge of his functions with respect to the taxation of costs to examine any witness in those proceedings, in this case, the issue was what the order required the taxing registrar to do and not what the status of the cost sharing agreement actually was. As the respondent submitted, the order of court on its plain reading either requires the respondent's bill to be taxed on a normal basis in the normal way; or it requires the respondent to tax his bill on a cost sharing basis. The cost sharing agreement is either irrelevant or presumed. In neither case does the court in the exercise of its taxing function have to determine if in fact there was a cost sharing agreement.

[25] Mahkamah ini juga mendapati bahawa tidak ada sebarang peruntukan di bidang kuasa mahkamah atau di Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 khususnya di bawah A 59 untuk pendaftar sebagai *taxing officer* dalam taksiran kos untuk saman atau mengeluarkan sepina seperti yang terdapat di dalam High Court Rules Australia. Order 71 r 70 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi Australia, peruntukan seperti berikut:

Order 71 r 70 of the rules provides:

> The taxing officer may, for the purpose of taxation of costs:
>
> (a) *summon and examine witnesses either orally or upon affidavit*;
>
> (b) administer oaths;
>
> (c) *direct or require the production of books, papers and documents*;
>
> (d) *issue subpoenas*;
>
> (e) make seperate or interim certificates or allocaturs;
>
> (f) require a party to be represented by a seperate solicitor; and
>
> (g) do such other acts and direct or take all such other steps as are directed by these rules or by the Court or a justice. (Penekanan ditambah.)

Dalam kes *Emilio Giannarelli & Ors v Daryl G Wraith & Ors* [1991] 4 CLJ (Rep) 377, persoalan utama dan ada kaitan dengan rayuan di hadapan mahkamah ini adalah, berkenaan dengan kuasa pendaftar (taxing officer) untuk memanggil responden dalam kes itu untuk mengemukakan dokumen-dokumen supaya dapat menentukan sama ada terdapat satu perjanjian yang sah (binding agreement) di antara anak guam dan peguamnya, di mana anak guam tidak perlu membayar yuran peguam dan persoalan kedua yang timbul dalam kes tersebut adalah, sama ada responden boleh enggan untuk mengemukakan dokumen atas alasan dokumen tersebut dilindungi di bawah Keistimewaan Profesion Guaman (Legal Profession Privilege). Dalam kes tersebut, pendaftar menggunakan budi bicara yang terkandung dalam A 71

k 70 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi Australia untuk memerintahkan responden mengemukakan dokumen-dokumen di mana budi bicara itu digunakan di atas sukarela pendaftar sendiri di mana Mahkamah Tinggi berkata:

> However, in taxation proceedings in court, the claimant's solicitor is not required to produce a file. Furthermore, discovery is not available in a taxation of costs. Moreover, the taxing officer can exercise his or her power under O 71 r 70 of his or her own motion. If the taxing officer thinks that there is a genuine factual issue between parties, then in my opinion, he or she can exercise the powers under O 71 r 70. As long as the taxing officer exercises those powers 'for the purpose of taxation of costs', and not capriciously or unreasonably, he or she need not have any evidence before him or her. As Hobhouse J said in *Pamplin* (at p 697; p 191 of All ER):
>
> > it is well within the discretion and expertise of the matter to decide when there is in truth a factual issue which needs to be decided, and therefore calls for the adducing of evidence by the claimant. It is essential to the efficient and economic conduct of the taxation that the master should have this discretion.
>
> The 'evidence' before the taxing officer in the present case did not come anywhere near proving the agrement alleged. At best the 'evidence' was equivocal. But it was a matter for the taxing officer's discretion whether on that 'evidence' he should exercise the power. It cannot be said that in acting on that 'evidence' he was acting unreasonably or capriciously. Accordingly, the taxing officer acted within power when he called for production of the documents by the respondents' solicitors.

[26] Mahkamah ini juga ingin menyatakan bahawa penemuan (discovery) tidak dibenarkan dalam prosiding penaksiran bil kos dan sepina tidak boleh digunapakai sebagai satu alat untuk mendapatkan maklumat (discovery) atau satu tindakan 'fishing' (rujuk kes *The Lorenzo Hakoussi* [1988] 1 Lloyd's Rep 140 di ms 144; *Macmillan Inc v Bishopsgate Investment Trust Ltd* [1993] 4 All ER 998 di ms 1105).

Dalam kes *Computer Machinery Co Ltd v Dreshcher & Ors* [1983] 1 WLR 1379, Sir Robert Megarry VC berkata di ms 1387:

> the hearing of an application for costs is neither the time nor the place (if, indeed, there is one) in which to conduct ... on affidavit evidence, or to conclude that there has been a deliberate or reckless lack of frankness.

[27] Dalam kes ini adalah jelas bahawa apa yang perayu ingin buat selepas memanggil En Hanafi bin Kasbi, perayu dibenarkan untuk memeriksa atau memeriksa balas mengikut keadaan kes itu. Tindakan seperti ini tidak dibenarkan atau digalakkan dalam prosiding taksiran bil kos. Prosiding taksiran bil kos tidak boleh dikendalikan atau ditukar seperti satu perbicaraan penuh di mana adalah bertentangan dengan prosedur yang ditetapkan di

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi atau diamalkan bertahun-tahun bagi prosiding taksiran bil kos. Sekiranya satu pihak tidak berpuas hati dengan taksiran bil kos oleh pendaftar dan sekiranya pendaftar tidak membenarkan mana-mana item dalam bil kos atau tidak membenarkan amaun yang dipohon atau membenarkan amaun yang terlampau tinggi atau rendah pihak yang tidak berpuas hati berhak untuk mengkaji semula oleh pendaftar. Seterusnya, sekiranya keputusan pendaftar dalam prosiding mengkaji semula masih tidak memuaskan hati mana-mana pihak, pihak itu mempunyai peluang dan terdapat peruntukan untuk pihak yang tidak berpuas hati memohon untuk kajian semula oleh hakim dalam kamar (rujuk A 59 k 34 dan k 36 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980) dan bukan cuba menukar prosiding taksiran bil kos kepada perbicaraan penuh.

[28] Oleh itu, cara yang digunapakai oleh perayu untuk meminta pendaftar mengeluarkan sepina kepada En Hanafi bin Kasbi tidak digalakkan dan ini akan membuka 'floodgates' di mana satu prosiding taksiran yang diamalkan dengan cara dan prosedur tertentu dan mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 akan menjadi satu perbicaraan penuh atau satu pendengaran permohonan interlokutori di mana pihak-pihak akan mengambil kesempatan dan bersedia untuk memanggil sesiapa sahaja untuk diperiksa, diperiksa balas dan kemungkinan diperiksa semula dan ini akan menimbulkan satu keadaan yang tidak sihat dan mengelirukan di mana adalah bertentangan dengan tujuan dan 'spirit' prosiding taksiran bil kos seperti yang ditetapkan di Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi dan diamalkan. Mahkamah ini berpendapat bahawa tidak ada sebarang peruntukan yang dinyatakan secara jelas (express) atau cara implikasi (impliedly) di bawah A 59 k 13 KMT 1980 bahawa perayu diberi hak untuk mengeluarkan writ sepina tersebut seperti yang dicadangkan bagi perayu dalam prosiding taksiran bil kos. Sekiranya mahkamah ini menerima cadangan atau hujahan tersebut, mahkamah ini terpaksa membuat atau menulis semula (rewrite) kaedah-kaedah di mana itu bukanlah tugas mahkamah ini dan adalah bertentangan dengan prinsip pentafsiran statut (rujuk kes *Kumpulan Kamuning Sdn Bhd v Rajoo & 200 Ors* [1983] 2 MLJ 400 di ms 404; *Duport Steels Ltd & Ors v Sirs & Ors* [1980] 1 All ER 529; *Foo Loke Ying & Anor v Television Broadcasts Ltd & Ors* [1985] 2 MLJ 35; *Thompson v Goold & Co* [1910] AC 409 di ms 420; *Vickers, Sons and Maxim Ltd v Evans* [1910] AC 444 di ms 445).

Dalam kes *Lakshmandas Chaganlal Bhatia dan Lain v The State* AIR 1968 Bombay 400 Patel J yang memberi keputusan bagi Mahkamah Rayuan berkata:

> In order to ascertain the intention of the Legislature, every legislative provision has to be fairly and reasonably interpreted. The language must carry its ordinary meaning, unless the subject or its context suggests otherwise, and the court is not entitled to speculate as to the intentions of the Legislature ... Intention must be taken to have been expressed by the language used by the Legislature.

[29] Seterusnya, mahkamah ini berpendapat bahawa bil kos difailkan kerana anak guam tidak bersetuju untuk membayar kepada perayu amaun yang dicadangkan oleh perayu. Oleh itu, perayu terpaksa memfailkan bil kos supaya pendaftar dapat menjalankan taksiran seperti yang difailkan oleh perayu. Seterusnya, adalah tugas pendaftar untuk menentukan apakah amaun yang patut diberikan untuk yuran berdasarkan kepada butir-butir yang dicatitkan dalam bil kos. Sebaliknya, sekiranya perayu berpendapat terdapat sebarang perjanjian di antara perayu dan anak guam untuk membayar yuran atau amaun yang tertentu bagi kerja-kerja yang telah dilakukan, bukankah perayu bebas untuk memfailkan satu tindakan sivil di mahkamah di atas kausa tindakan kemungkiran perjanjian oleh anak guam untuk membayar amaun yuran yang dijanjikan dan bukan memulakan dan memohon kepada pendaftar untuk menaksirkan amaun yuran kos yang patut dibayar oleh anak guam (responden kesembilan) melalui prosiding taksiran bil kos. Mahkamah ini ingin menegaskan tugas pendaftar di peringkat taksiran bil kos adalah untuk menentukan apakah amaun yuran kos yang patut dan munasabah untuk kerja-kerja yang dilakukan oleh seseorang peguam, seperti perayu dalam kes ini bagi anak guam berdasarkan kepada butir-butir yang dicatitkan dalam bil kos. Tugas pendaftar di prosiding taksiran bil kos bukanlah untuk memberi perintah atau penghakiman kepada sebarang amaun yuran kos yang telah pun dan kononnya dijanjikan oleh anak guam untuk amaun yang telah pun ditetap dan dijanjikan seperti didakwa oleh perayu. Perkataan kos ditafsirkan di bawah A 59 k 1(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang termasuk *charges, disbursements, expenses* dan *remuneration*.

[30] Oleh itu, writ sepina yang dikeluarkan kepada En Hanafi bin Kasbi tidak ada kena mengena atau relevan bagi tujuan prosiding taksiran bil kos. Seperti dinyatakan di atas, tujuan dan 'spirit' bil kos adalah untuk pendaftar dapat mentaksirkan apakah amaun yuran yang patut dan munasabah dan bukan untuk sahkan amaun yuran tertentu atau yang telah pun dijanjikan di antara anak guam dan peguamnya kerana amaun itu boleh dibayar terus kepada peguam oleh anak guam. Seterusnya, sekiranya anak guam mungkir untuk membayar amaun yuran yang telah dijanjikan dan terdapat sebarang perjanjian, tindakan perayu bukanlah melalui taksiran bil kos di mana tujuan adalah berlainan dan tidak ada kena mengena dengan kemungkiran perjanjian di antara peguam dan anak guam.

[31] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujah-hujah bagi perayu di mana adalah tidak berasas bahawa sama ada keterangan yang perlu daripada En Hanafi adalah relevan atau tidak hanya diputuskan semasa keterangan diberikan oleh saksi. Sebarang soalan atau dokumen yang bercadang dikemukakan oleh satu pihak dan dibantah oleh pihak penentang perlu dan harus diberitahu lebih awal kepada mahkamah sebelum keterangan diterima. Oleh itu, posisi yang diambil oleh perayu bahawa sama ada keterangan itu

material akan ditentukan setelah keterangan yang dikemukakan adalah tidak berasas dan bertentangan dengan isu 'relevancy' dan 'admissability'. (Mere assertion that the evidence and documents sought from En Hanafi bin Kasbi may have some bearing would not be sufficient if the judge or the registrar considers that the request is irrelevant or fishing or speculative or oppressive and not for the purpose of justice, he or she should refuse it) (rujuk kes *Ismail v Hasnol; Abdul Ghafar v Hasnol* [1968] 1 MLJ 108; *Wong Sin Chong & Anor v Bhagwan Singh & Anor* [1993] 3 MLJ 679; *Steel v Savory* (1891) 8 TLR 94; *R v Lewes Justices, ex parte the Gaming Board of Great Britain; R v Lewes Justices, ex parte the Secretary of State for the Home Department* [1971] 2 All ER 1126 di ms 1132; *R v Baines* (1881) 8 QBD 63; *Senior & Ors v Holdsworth* [1975] 2 All ER 1009; *R v Baines* [1909] 1 KB 258).

Dalam kes *Macbryan v Brooke* [1946] 2 All ER 688 Morton LJ berkata:

> I will not lay down any general rule as to when a subpoena should be served; but in this case it was served at a time when it was wholly unnecessary, and at a time when the parties must have known, and did know, that the service could not possibly have any effect. The action could not under any conceivable circumstances heard during the present sittings.

[32] Mahkamah ini berpendapat perayu tidak boleh memfailkan bil kos dan melalui bil kos tersebut menuntut amaun yuran yang ditetapkan dan dikatakan telah dijanjikan oleh anak guam. Pada masa yang sama memohon writ sepina kepada En Hanafi bin Kasbi untuk hadir bagi prosiding taksiran untuk memberi keterangan dan mengemukakan dokumen-dokumen seperti dicatit di writ sepina di mana tidak menunjukkan apa-apa kaitan atau relevansi kepada amaun tertentu yang dituntut oleh perayu dan seperti didakwa telah dijanjikan oleh anak guam di mana boleh dikatakan merupakan satu 'fishing' di mana tidak dibenarkan dalam prosiding taksiran bil kos. Di sini adalah penting untuk menyatakan writ sepina (lampiran 55) telah meminta En Hanafi bin Kasbi untuk hadir *di hadapan hakim pada 13 November 2006* di mana prosiding taksiran bukan diadakan di hadapan hakim tetapi di hadapan pendaftar. Oleh itu, writ sepina adalah tidak teratur dan secara automatik mesti jatuh atau gugur kerana mengikut rekod dan fail mahkamah, tidak ada apa-apa prosiding atau perbicaraan di hadapan hakim pada 13 November 2006.

[33] Dengan segala hormatnya, mahkamah ini berpendapat bahawa sekiranya mahkamah ini melayan writ sepina dan hujah-hujah seperti dihujahkan oleh perayu supaya keputusan pendaftar yang diberikan pada 13 Jun 2007 diketepikan dan mengekalkan writ sepina yang dikeluarkan kepada En Hanafi bin Kasbi, ia hanya akan membuka satu 'floodgates' yang merbahaya dan memberi kebebasan kepada mana-mana pihak dalam prosiding taksiran bil kos untuk memohon dikeluarkan writ sepina supaya orang yang dinamakan dalam writ sepina hadir di mahkamah untuk

kemukakan dokumen-dokumen tertentu dan dibenarkan untuk diperiksa atau diperiksa balas dan kemungkinan periksa semula sehingga satu prosiding taksiran kos di hadapan pendaftar dijadikan satu pendengaran permohonan interlokutori atau perbicaraan penuh dan kemungkinan timbul kekeliruan terhadap cara dan prosedur di prosiding taksiran bil kos.

[34] Dalam kes ini, mahkamah ini berpendapat bahawa mahkamah ini tidak patut masuk campur di atas budi bicara yang digunakan oleh pendaftar di mana mahkamah ini mendapati tidak terdapat sebarang kesilapan dari segi fakta atau undang-undang. Juga tidak ada apa-apa peruntukan yang ditetapkan untuk tujuan yang sama seperti yang dilakukan oleh perayu. Sebaliknya, ini hanya akan membawa kepada satu perselisihan faham di antara seorang peguam dan peguam yang lain dan juga tidak sihat dalam profesion guaman.

[35] Dengan itu, mahkamah ini berpendapat bahawa pihak yang memohon taksiran bil kos seperti perayu tidak berhak (as of right) untuk memanggil saksi melalui writ sepina dan khususnya satu pihak yang bukan pihak yang dinamakan dalam prosiding taksiran kos untuk memberi keterangan dan mengemukakan dokumen-dokumen dalam prosiding taksiran bil kos. Mahkamah ini juga berpendapat bahawa A 59 k 13 KMT 1980 tidak terpakai untuk mengeluarkan writ sepina kepada saksi tersebut dalam prosiding taksiran bil kos.

[36] Di atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas dan menurut sebab dan keadilan, mahkamah ini berpendapat rayuan oleh perayu tidak mempunyai merit untuk diberi pertimbangan sama ada di atas fakta atau dari segi undang-undang dan harus ditolak. Oleh itu, rayuan oleh perayu ditolak dengan kos.

Rayuan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed